

# Temu bual dengan Subraj Rajathurai

Kami telah mendapatkan pandangan tentang masa lalu, masa kini dan masa depan Pulau Ubin daripada pemulihara alam semula jadi, Encik Subraj Rajathurai yang juga merupakan ahli *Friends of Ubin Network (FUN)*. Mempunyai pengalaman dalam lapangan ini selama tempoh lebih daripada 35 tahun, Subraj juga merupakan pengasas *Strix Wildlife Consultancy*.

## Apa yang mencetuskan minat anda terhadap pendidikan alam / kesedaran tentang Pulau Ubin?

Sejak kecil, saya mempunyai minat terhadap alam semula jadi dan hidupan liar. Pada masa itu, peluang untuk bekerja dengan hidupan liar di Singapura hanya boleh didapati di taman haiwan atau taman burung. Namun, semangat saya lebih kepada bekerja di luar, di kawasan hutan. Akhirnya, saya memutuskan untuk memupuk minat dengan menghabiskan masa di hutan, di beberapa bahagian di Singapura. Setelah selesai menjalani Perkhidmatan Negara, saya keluar meneroka banyak kawasan liar, termasuklah Pulau Ubin.

Saya mula meneroka Pulau Ubin pada tahun 1982. Saya menjelajah dan berkhemah dengan beberapa kawan. Pada ketika itu, kami bangun daripada tidur dengan bunyi sahutan burung 'Bulbul' dan burung-burung lain. Ubin amat berbeza pada masa itu. Suasana desa amat jelas terasa; dipenuhi dengan pelbagai aktiviti seperti kuari dan desa tempatan. Saya membawa kumpulan saya melihat burung dan memerhatikan hidupan liar. Saya berpuas hati melihat kegembiraan pada wajah mereka kerana dapat berkongsi minat saya.

Ubin memberikan perspektif yang berbeza kerana ianya bukanlah sekadar alam semula jadi semata-mata, tetapi juga ada warisan dan budaya. Penjelajahan Ubin sangat popular, terutamanya bagi generasi yang lebih tua kerana mereka berasa seperti pulang ke kampung. Untuk generasi muda pula, melawati Ubin dapat membuka mata mereka. Secara beransur-ansur, para pelawat membentuk jalinan peribadi dengan kawasan yang mereka kunjungi di pulau ini dan kami turut mendapat sokongan untuk memulihara tempat ini.

## Bagaimanakah Pulau Ubin telah berkembang dalam beberapa tahun kebelakangan ini?

Masyarakat Ubin berasa amat bimbang dengan tekanan pembangunan terhadap pulau ini. Lantas, ia adalah satu kejutan yang amat menyenangkan apabila Projek Ubin diumumkan. Projek Ubin dilaksanakan untuk mengekalkan daya tarikan desa dan semula jadi pulau ini. Kemudiannya, harapan untuk menjadikan Ubin sebagai sesuatu yang lebih baik daripada sebelumnya telah kembali bersinar. Usaha ini akan menggabungkan kesemua anggota masyarakat ke arah satu visi yang sama.

Setelah terlibat dalam pemuliharaan alam semula jadi di pulau ini sejak tahun 1982 (sudah 37 tahun!), saya telah menjalin perhubungan yang baik dengan beberapa penduduk kampung yang saya kenali sejak remaja lagi. Kita seharusnya berhubung dengan penduduk-



penduduk di sini dan melibatkan mereka dalam apa jua cara yang kita lakukan. Walaupun sesetengah kawasan semula jadi telah hilang, namun kami berjaya menukar arah perubahan menerusi kerjasama erat antara semua pihak berkepentingan, seperti NParks, Badan-badan bukan Pemerintah, kumpulan pencinta alam dan ahli akademik. FUN juga membantu untuk memacu hubungan rapat ini. Ianya akan memberikan perbezaan demi masa depan Ubin.

## Apakah aspirasi anda untuk penggemar alam semula jadi daripada generasi akan datang?

Generasi berikutnya memperolehi lebih maklumat dan berhubung secara lebih baik, berbanding dengan generasi terdahulu. Ketika saya mula berkecimpung dalam bidang ini, kumpulan pencinta alam semula jadi terpaksa berusaha keras untuk menyampaikan pandangan kepada pihak berkuasa. Namun, pada hari ini, para menteri dan pihak berkuasa pula yang mencari pendapat dan mahukan dialog diadakan. Warisan daripada generasi saya telah membantu mewujudkan kesedaran yang lebih besar untuk kepelbagai biodiversiti dan pemuliharaan alam semula jadi. Sebelum ini, hal ini merupakan satu pemikiran yang tidak dirancang. Kini, adalah satu faktor penting untuk dipertimbangkan dan dijadikan dasar. Harapan saya untuk generasi akan datang adalah agar mereka dapat meneruskan usaha saya dan membawanya lebih jauh lagi.

## Dalam Kenangan

Subraj telah meninggal dunia pada 22 Oktober 2019. Kami amat bersyukur kerana dapat berwawancara dengan Subraj pada bulan September di Changi Village. Beliau merupakan seorang ahli penting bagi FUN, seorang penyokong tegar pemuliharaan alam semula jadi dan menjadi inspirasi kepada golongan muda dan tua. Beliau telah banyak menyumbang kepada Projek Ubin dengan menghasilkan beberapa inisiatif.

Terima kasih, Subraj ... anda akan sentiasa dikenang.

# UbinTides

## Balik Kampung 2019: Pesta Raya@Ubin

Pesta Raya@Ubin kini merupakan sebahagian daripada sejarah penting di Pulau Ubin. Terima kasih kepada Lembaga Taman Negara (NParks) dan *Friends of Ubin Network (FUN)* yang membolehkan lebih 350 penduduk dan bekas penduduk bersatu semula di rumah pulau mereka untuk menyambut Hari Raya Puasa pada 16 Jun 2019.

Ia merupakan sesuatu yang sangat menyeronokkan apabila menyaksikan ramai kawan dan jiran dapat bersua dan berkongsi perkembangan terkini selepas tidak bertemu selama bertahun-tahun. Berduyun-duyun bekas penduduk Pulau Ubin telah pergi ke kampung Melayu bersempena dengan perayaan itu. Dengan aturan istimewa yang telah dibuat untuk 'bumboat' dan teksi percuma, bekas penduduk menyusun langkah mereka untuk ke kampung Melayu bagi meraikan acara tersebut. Ucapan istimewa ditujukan khas kepada Accessible Ubin kerana telah memastikan rakan-rakan kita yang berkerusi roda juga dapat menyertai acara ini!



Penduduk dihiburkan dengan alunan suara daripada persembahan Dikir Barat kami.



Selamat Hari Raya Aidilfitri daripada waris penduduk Ubin

Penduduk Ubin telah membuka pintu rumah mereka dan menyediakan makanan yang lazat untuk dinikmati oleh semua orang. Pelbagai aktiviti meriah dan menarik telah diadakan di kampung Melayu. Terdapat pelbagai permainan tradisional, anyaman ketupat, reruai foto (photo booth) dan persembahan seni tradisional Melayu.

Sebagai penutup kepada perayaan tersebut, semua orang telah berkumpul di Kawasan Perhimpunan untuk pesta gemilang ini di bawah sinaran lampu-lampu putih. Pengalaman ini menggamit memori bagi ramai orang. Kami juga berasa bersyukur kerana dapat menikmati jamuan makan di bawah sinaran bulan purnama pada malam itu!



Selamat kembali kepada bekas penduduk (serta orang tersayang mereka) ke Kampung Sungai Durian!



NATIONAL PARKS



FRIENDS OF  
UBIN NETWORK

LET'S MAKE  
SINGAPORE  
OUR GARDEN



Share your love for nature with us at  
[#nparksbuzz](#)



# Merungkai Warisan Arkeologi Ubin

## Arkeologi Ditakrifkan

Arkeologi ialah satu kajian budaya bahan dari zaman dahulu – perkara yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita. Ahli arkeologi mencari tanda-tanda tentang kisah yang melibatkan aktiviti manusia lalu seperti artifak dan perubahan landskap.

Sebagai salah satu sempadan terakhir bagi dunia pra-urbanisasi, Pulau Ubin memberikan peluang unik untuk kita mempelajari tentang masa silam yang semakin sukar didapati di Singapura.

Dari bulan Disember 2017 sehingga Februari 2019, sebuah pasukan dari Institut ISEAS-Yusof Ishak telah menjalankan satu kajian selidik arkeologi selama tiga musim di Pulau Ubin. Pasukan itu telah meneroka pulau ini untuk mengenal pasti tinggalan dan tapak arkeologi dan membawa kembali beberapa penemuan menarik!

## Penyiasatan 1: Kehidupan Penghuni Kampung

Pasukan itu ingin meneroka interaksi antara penghuni rumah dengan persekitaran di pulau ini. Justeru, pasukan tersebut telah memilih sebuah rumah kosong diperbuat daripada kayu yang bersaiz satu tingkat iaitu rumah No. 846P di Kampong Melayu untuk mempelajari tentangnya. Kajian itu termasuk merakam dengan terperinci rumah tersebut dan kawasan sekitarnya, serta corak tentang pelupusan sampah domestik dan sisa makanan. Sampah dapur yang ditemui memberikan gambaran mengenai pemakanan penduduk pada waktu dahulu.



Rumah No. 846P di Kampong Melayu merupakan antara tapak yang dikaji oleh pasukan tersebut



Sisa makanan seperti kerang membolehkan para penyelidik mengkaji jenis pemakanan penduduk pada waktu dahulu.




Para pengkaji sedang bertugas di sekitaran rumah kosong.

## Penyiasatan 2:

### Senjata dan Peralatan Artilleri Pantai Perang Dunia II

Semasa Perang Dunia Kedua, Pulau Ubin memainkan peranan penting bagi pertahanan ketenteraan. Sebagai sebahagian daripada rangkaian kubu di sekitar Singapura, pasukan meriam bagi Bot Torpedo Anti-Motor (AMTB) telah dibina di pantai utara Pulau Ubin yang menghadap ke Selat Johor. Terletak dalam Kem Pertahanan Kadet Polis Kebangsaan, tapak ini terdiri daripada dua bahagian menembak, menara arah api, stor peluru, tiang pencahayaan dan ruang penjana kuasa. Pasukan tersebut telah meninjau sempadan pasukan meriam AMTB dan hubungannya dengan kampung berdekatan iaitu Kampong Bahru.



Pemasangan lampu luar elektrik berkuasa tinggi di kawasan pasukan bersenjata AMTB.



Pasukan arkeologi menyiasat sebuah tandas semasa era Perang Dunia II

## Penyiasatan 3:

### Kuari Granit Perbandaran pada abad ke-19

Pulau Ubin juga dikenali sebagai ‘Pulau Granit’ kerana perkataan Ubin berasal daripada bahasa Melayu lama iaitu perkataan ‘batu keras’ atau ‘granit’. Pada masa itu, pengekstrakan granit serta pertanian dan penternakan ikan, merupakan salah satu industri utama di pulau ini. Sejarah industri pengekstrakan granit telah dikesan sejak awal tahun 1840-an, ketika Syarikat India Timur mula beroperasi di kuari kerajaan. Lokasi kuari perbandaran awal ini tidak jelas sepenuhnya. Kebanyakan daripadanya mungkin telah dimasukkan ke dalam operasi yang lebih besar pada abad ke-20. Bekas tapak kuari yang terletak di sebelah timur Sungai Ubin boleh menjadi tinggalan dari abad ke-19. Tapak ini merupakan satu kuari kecil yang ditinggalkan sebelum tahun 1940 atau mungkin seawal tahun 1900.

Untuk mengungkap maklumat lanjut berkenaan hal ini, pasukan tersebut telah pergi ke tapak itu untuk membuat tinjauan dan melihat bukti daripada peta bagi membuktikan pelbagai peringkat memproses granit.

## Apa yang sedang Diusahakan

Ketika kerja lapangan selesai pada awal tahun ini, pasukan tersebut masih sibuk meneliti dan menafsirkan hasil penemuan mereka. Pelbagai kerja sedang dijalankan, merangkumi penyelidikan arkib bagi mencari lebih banyak petunjuk daripada rekod sejarah dan dokumen mengenai penggunaan tapak lalu. Petunjuk-petunjuk ini digunakan untuk mengkaji benda-benda yang dikumpulkan dari tapak kajian. Setakat ini, kajian ini telah menunjukkan bahawa Pulau Ubin merupakan sebuah tapak berharga bagi arkeologi. Sebahagian besar daripada pulau ini masih lagi belum diterokai.